



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN KAWAL SELIA HALAL**

PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2020

**PELAKSANAAN
MANUAL PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA (DOMESTIK) 2020,
SISTEM PENGURUSAN HALAL MALAYSIA 2020
DAN MALAYSIAN STANDARD 2019**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 dan *Malaysian Standard* 2019.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, *Guideline for Halal Assurance Management System* dan *Malaysian Standard* merupakan dokumen rujukan utama bagi pensijilan halal Malaysia yang mengandungi prosedur pensijilan halal, keperluan kawalan halal dalaman dan standard halal Malaysia.

2.2 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia mula diterbitkan pada tahun 2005 dan telah disemak sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2011 dan 2014. *Guideline for Halal Assurance Management System* pula mula diterbitkan pada tahun 2012 dan *Malaysian Standard* mula diterbitkan pada tahun 2000 dan telah beberapa kali disemak.

2.3 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 dan *Malaysian Standard* 2019 diwujudkan bagi menambah baik keperluan, syarat dan standard berkaitan Pensijilan Halal Malaysia yang sedia ada serta memudahkan pihak berkuasa berwibawa dan pemohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia untuk membuat semakan dan rujukan.

3. PELAKSANAAN DAN PEMAKAIAN

3.1 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 akan menggantikan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 bagi keperluan berkaitan dengan Sijil Pengesahan Halal Malaysia kategori domestik. Walau bagaimanapun, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 juga hendaklah terpakai bagi keperluan berkaitan dengan Sijil Pengesahan Halal Malaysia kategori pengilangan luar negara sehingga Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Antarabangsa) disediakan dan diterbitkan.

3.2 Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 akan menggantikan *Guideline for Halal Assurance Management System* dan menjadi rujukan berkaitan dengan keperluan kawalan halal dalaman bagi pensijilan halal Malaysia domestik dan antarabangsa.

3.3 *Malaysian Standard* 2019 yang akan menggantikan *Malaysian Standard* sedia ada serta satu standard baharu adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|-------|-----------------------|--|
| (i) | <i>MS 1500:2019</i> | <i>Halal food - General requirements (Third revision)</i> |
| (ii) | <i>MS 2634:2019</i> | <i>Halal cosmetics - General requirements (First revision)</i> |
| (iii) | <i>MS 2424:2019</i> | <i>Halal pharmaceuticals - General Requirements (First revision)</i> |
| (iv) | <i>MS 2400-1:2019</i> | <i>Halal supply chain management system - Part 1: Transportation - General requirements (First revision)</i> |

- (v) MS 2400-2:2019 *Halal supply chain management system - Part 2: Warehousing - General requirements (First revision)*
- (vi) MS 2400-3:2019 *Halal supply chain management system - Part 3: Retailing - General requirements (First revision)*
- (vii) MS 2636:2019 *Halal medical device - General requirements*

3.4 *Malaysian Standard* 2019 hendaklah menjadi rujukan bagi pengesahan halal Malaysia domestik dan antarabangsa. Bagi keperluan sembelihan, MS 1500:2009 hendaklah terus terpakai dan menjadi rujukan sehingga *Malaysian Standard* khusus berkaitan dengan sembelihan disediakan dan diterbitkan.

3.5 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 dan *Malaysian Standard* 2019 hendaklah menjadi panduan dan rujukan penyedia latihan halal berdaftar di bawah *Halal Professional Board* (HPB) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi program latihan halal yang dianjurkan.

3.6 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 boleh dimuat turun daripada Portal Halal Malaysia manakala *Malaysian Standard* 2019 boleh diperoleh melalui Jabatan Standard Malaysia.

4. PERMULAAN TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pelaksanaan dan pemakaian Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2020 dan *Malaysian Standard* 2019 mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2021**.
- 4.2 Pekeliling ini dikuatkuasakan selaras dengan subperenggan 7(2) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 [*P.U. (A) 431/2011*].



(DATO' PAIMUZI BIN YAHYA)

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

14 September 2020